

➔ **Profesor Dr Ismail Omar**  
Pensyarah dan Felo Penyelidik  
di Institut Transformasi Sosial dan  
Pembangunan Wilayah (TRANSFORM),  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



➔ Sebenarnya, ada di kalangan orang British sendiri kurang yakin bahawa Enakmen Rezab Melayu yang dicadangkan pada 1900 akan berjaya”

➔ Bantuan kewangan atau pinjaman perumahan ini membolehkan orang Melayu memiliki tanah yang asalnya hanya kawasan penempatan sahaja tanpa pemilikan sah”

➔ Bagi pemilik tanah, tanpa pembangunan sekalipun, nilai tanah mereka tetap meningkat disebabkan tekanan pasaran di sekitarnya”

# Tingkat nilai pasaran tanah Rizab Melayu

Bit. 20/6/2016 ms. 10

Sekitar 1894, George Maxwell iaitu Residen Selangor berkata: “Kita mesti memerintah Tanah Melayu seperti kita memerintah India – jangan sentuh budaya dan agama mereka. Orang Melayu terlalu sensitif dengan adat dan agama mereka”.

Namun, penjajah tubuh Pejabat Pendaftaran Hak Milik bagi tanah di kawasan bandar. Bagi tanah luar bandar ditadbir urus Pejabat Tanah. Pembahagian ini menyebabkan keutamaan tidak diberikan bagi tanah di luar bandar. Orang Melayu yang ramai tinggal di luar bandar seolah-olah terpinggir dan terus mundur.

Ketika era gencatan senjata dengan gerila Parti Komunis Malaya, perkampungan Cina dipagari dan diberi kemudahan air dan elektrik bagi mengawal mereka berurusan dengan pihak penjajah. Kampung-kampung Melayu tiada apa-apa kemudahan diberikan. Sekali lagi, orang Melayu terpinggir.

Pada 1897, penjajah memperkenal Kawasan Penempatan Pertanian Melayu (MAS) di Kampung Baru, Kuala Lumpur. Dikatakan penubuhan MAS untuk melatih orang Melayu mentadbir tanah mereka sendiri apabila British meninggalkan Tanah Melayu nan-

### British tidak yakin

ti. Sebaliknya, ada pandangan mengatakan, dalam mentadbir tanah luar bandar, penjajah utamakan kepentingan penduduk di bandar supaya orang Melayu khusus bercucuk tanam dan membekalkan makanan kepada penduduk di bandar sahaja. Sekali lagi, orang Melayu diminta menjalankan aktiviti pertanian dan bukan komersial.

Dengan mengawal dan membendung pasaran tanah, melalui sekatan kepentingan terhadap guna tanah, nilainya akan membeku dan terkunci. Sedangkan mereka percaya kepada ekonomi bebas. Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri Melayu Bersekutu, Edward Lewis Brockman kemudian memperkenalkan Enakmen Rizab Melayu pada 1913. Enakmen ini menghalang urusan tanah daripada orang Melayu kepada bukan Melayu. Impaknya, tanah orang Melayu menjadi sempit pasarnya. Akibatnya, nilainya membeku dan terkunci. Harga pasaran jatuh berbanding tanah-tanah lain. Kebanyakan tanah Rizab Melayu berada di luar bandar. Kebanyakan pemiliknya adalah orang Melayu dengan pertanian tradisi dan kecil-kecilan.

Selepas lebih 100 tahun Kawa-

san Penempatan Pertanian Melayu (MAS) di Kuala Lumpur ditubuhkan, isu tanah terus diperkatakan. Walaupun ketika penubuhannya, Kampung Baru berada di luar kawasan bandar, lama-kelamaan apabila kawasan Kuala Lumpur membangun setelah diiktiraf sebagai bandaraya dan Wilayah Persekutuan pada 1974, Kampung Baru menjadi sebahagian kawasan bandar. Malangnya, Kampung Baru terhimpit dan menjadi kawasan mundur kerana guna tanahnya masih pertanian. Hingga kini, Kampung Baru terus terhimpit dan menerima tekanan hebat daripada pembangunan hartanah di sekelilingnya.

Sekitar 1950-an, Datuk Harun Idris sebagai Menteri Besar Selangor ketika itu, mula memikirkan nasib orang Melayu di Kampung Baru. Kebanyakan penduduk Kampung Baru datang dari pelbagai ceruk rantau Tanah Melayu. Mereka tinggal di Kampung Baru untuk memulakan kehidupan di bandar. Mereka kesempitan wang ringgit walaupun, kerajaan beri kawasan penempatan secara berkampungan kepada mereka. Dalam kata lain, mereka kaya (penempatan bukan pemilikan) tanah tetapi miskin wang – kemiskinan bandar ketika itu.

Menyadari hakikat ini, Harun menyediakan bantuan kewangan kepada mereka untuk bina rumah di Kampung Baru. Bantuan kewangan atau pinjaman perumahan ini membolehkan orang Melayu memiliki tanah yang asalnya hanya kawasan penempatan sahaja tanpa pemilikan sah. Pinjaman kewangan ini membolehkan mereka diberi pemilikan tanah di kawasan MAS, seterusnya membina rumah sendiri.

Walaupun bantuan kewangan disalurkan kepada orang Melayu ketika itu, tidak semua ambil pinjaman berkenaan. Ketika itu, ilmu yang berkaitan tanah tidak diajar di sekolah, apalagi di universiti. Menurut Ahmad Nazri Abdullah dalam bukunya *Melayu dan Tanah*, orang Melayu ketika itu sanggup jual tanah untuk ke Makkah dan adakan kenduri perkahwinan anak. Mereka sanggup bergolok-bergadai. Akhirnya, mereka kehi-

langan tanah. Namun, mereka bangga kerana dapat adakan kenduri kahwin anak secara besar-besaran.

### Pampasan terlalu tinggi

Pada awal 1990-an, kerajaan gagal memajukan tanah di sana menggunakan kuasa pengambilan tanah. Antara halangan yang ada ketika itu adalah amaun pampasan yang diminta sangat tinggi – ada mencecah lebih RM500 sekaki persegi dan nilai pampasan dianggarkan RM600 juta. Kerajaan menarik balik cadangan berkenaan. Orang Melayu di Kampung Baru terlepas peluang memajukan tanah pribumi mereka.

Apabila kerajaan melepaskan semula kepada kuasa pasaran untuk memajukan tanah di Kampung Baru, tiada penonjolan kelihatan. Kuasa pasaran menyebabkan kadar pembangunan harta tanah di Kampung Baru agak perlahan. Hanya orang tertentu yang ada kewangan kukuh dan kesungguhan berjaya memajukan tanah mereka.

Bagi pemilik tanah, tanpa pembangunan sekalipun, nilai tanah mereka tetap meningkat disebabkan tekanan pasaran di sekitarnya. Mereka tidak perlu memajukan tanah mereka dengan tergojoh-gojoh. Cukuplah dengan kehidupan sederhana di Kuala Lumpur. Jelaslah masalah sebenar adalah kepemilikan tanah.

Selepas hampir 50 tahun berlalu, naratif pembangunan tanah orang Melayu dan Bumiputera perlu dikaji semula. Mereka mesti membangun bersama-sama dengan pembangunan. Mereka tidak boleh ketinggalan dalam arus perdana yang deras dewasa ini. Inilah yang dikatakan pengupayaan dan pemeraksanaan dalam mencapai Wasatiyyah Ekonomi orang Melayu untuk capai wawasan masa hadapan.

➔ Serangan ke atas sebuah kelab malam di Orlando, Florida baru-baru ini selain menimbulkan reaksi negatif terhadap orang Islam, turut mencetuskan kebimbangan mengenai pemilikan senjata api di Amerika Syarikat. Ikuti penjelasan wartawan agensi berita Reuters, **Tim McLaughlin**, mengenai isu populariti senjata api di Amerika, esok.